



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ISSN 2462-1099



9 772462 109003

SITS 20 21

STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA

*STATISTICS OF INTERNATIONAL
TRADE IN SERVICES*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA

STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES

2021

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Connecting the World with Data We Can Trust"

Announcement :

Department of Statistics Malaysia is conducting Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022 and Annual Economic Survey 2022 from 15th April 2022 until 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success.

Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Economic and social statistics publication namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust"

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by* :

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram	:	StatsMalaysia
Emel / <i>Email</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Jun 2022 / *Published on June 2022.*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source : Department of Statistics, Malaysia.”

ISSN 2462-1099

KATA PENGANTAR

Penerbitan ini memaparkan eksport dan import perkhidmatan di bawah Statistik Imbangan Pembayaran (BOP) bagi siri tahun 2010 hingga 2021. Statistik ini meliputi semua komponen perkhidmatan selaras dengan garis panduan dalam *Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6)*, *International Monetary Fund (IMF)* dan *Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010, United Nations*.

Statistik mengikut subkomponen dan negara rakan dagang utama dirangkumkan dalam penerbitan ini. Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama memaparkan ringkasan penemuan bagi tahun 2021 sementara jadual statistik terperinci dipaparkan pada bahagian kedua. Aspek teknikal seperti konsep, metodologi dan definisi pula dimuatkan pada bahagian akhir.

Statistik eksport dan import perkhidmatan boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Jabatan merakamkan penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Jun 2022

PREFACE

This publication presents the exports and imports of services under the Balance of Payments (BOP) statistics for the series of 2010 to 2021. The statistics covers all components of the services in accordance with the guidelines of the Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) of the International Monetary Fund (IMF) in accordance with the Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010 of United Nations.

Statistics by subcomponents and major trading partner countries are included in this publication. The publication is divided into three parts. The first part presents the findings for 2021 while detailed statistics tables are provided in the second part. Technical aspects such as concepts, methodologies and definitions are included in the final part.

The exports and imports of services statistics is used by government agencies, economists, academicians as well as individuals for the purpose of policy planning and formulations, economic analysis, projections and to assist in business development planning.

The Department acknowledges the cooperation of all parties that have provided the required data and contributed to the success of this publication.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

June 2022

i Kata Pengantar
Preface

01 Penemuan Utama
Main Findings

03 Ringkasan Penemuan
Summary of Findings

17 Artikel
Article

37 Jadual Statistik
Statistical Tables

- 38 Eksport Perkhidmatan mengikut Komponen (RM Juta)**
Exports of Services by Components (RM Million)
- 39 Peratus Sumbangan Eksport Perkhidmatan mengikut Komponen (%)**
Percentage Share of Exports of Services by Components (%)
- 40 Import Perkhidmatan mengikut Komponen (RM Juta)**
Imports of Services by Components (RM Million)
- 41 Peratus Sumbangan Import Perkhidmatan mengikut Komponen (%)**
Percentage Share of Imports of Services by Components (%)
- 42 Imbangan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa mengikut Komponen (RM Juta)**
Balance of International Trade in Services by Components (RM Million)
- 43 Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama (RM Juta)**
Exports of Services by Major Trading Partner Countries (RM Million)
- 44 Peratus Sumbangan Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama (%)**
Percentage Share of Exports of Services by Major Trading Partner Countries (%)
- 45 Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama (RM Juta)**
Imports of Services by Major Trading Partner Countries (RM Million)
- 46 Peratus Sumbangan Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama (%)**
Percentage Share of Imports of Services by Major Trading Partner Countries (%)
- 47 Imbangan Perdagangan Perkhidmatan mengikut Negara Utama (RM Juta)**
Balance of Trade in Services by Major Countries (RM Million)
- 48 Eksport dan Import Perkhidmatan mengikut Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) (RM Juta)**
Exports and Imports of Services by Organisation of Islamic Cooperation (OIC) Countries (RM Million)
- 49 Peratus Sumbangan Eksport dan Import Perkhidmatan mengikut Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) (RM Juta)**
Percentage Share of Exports and Imports of Services by Organisation of Islamic Cooperation (OIC) Countries (RM Million)
- 50 Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama dan Komponen (RM Juta)**
Exports of Services by Major Trading Partner Countries and Components (RM Million)
- 52 Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama dan Komponen (RM Juta)**
Imports of Services by Major Trading Partner Countries and Components (RM Million)

55 Jadual Statistik Siri Masa, 2010 - 2015
Time Series Statistical Tables, 2010 - 2015

61 Nota Teknikal
Technical Notes

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.



STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA (SITS) 2021

"Pada tahun 2021, jumlah Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia merekodkan **RM234.2 bilion**"


EKSPORT **RM86.7b**
(2020: RM93.0b)

IMPORT **RM147.5b**
(2020: RM140.1b)

IMBANGAN **DEFISIT RM60.7b**
(2020: RM47.2b)
DEFISIT

JUMLAH PERDAGANGAN **RM234.2b**
(2020: RM233.1b)

KOMPONEN UTAMA PERKHIDMATAN



RAKAN DAGANG UTAMA



1		Amerika Syarikat X: RM26.6b M: RM32.1b
2		Singapura X: RM19.5b M: RM23.1b
3		United Kingdom X: RM6.3b M: RM8.0b

Kedudukan negara berdasarkan prestasi eksport

Nota: b bilion, X Eksport, M Import

Sumber: Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES (SITS) 2021

"In 2021, Malaysia's International Trade in Services recorded a total of **RM234.2 billion**"

EXPORTS

RM86.7b
(2020: RM93.0b)

IMPORTS

RM147.5b
(2020: RM140.1b)

BALANCE

DEFICIT
RM60.7b
(2020: RM47.2b)
DEFICIT

TOTAL TRADE

RM234.2b
(2020: RM233.1b)

MAIN SERVICES COMPONENTS

EXPORTS

Other Business Services
RM27.1b
(2020: RM27.3b)

Manufacturing Services
RM15.5b
(2020: RM12.7b)

Transport
RM15.5b
(2020: RM13.8b)

Telecommunications, Computer and Information
RM13.8b
(2020: RM13.4b)

IMPORTS

Transport
RM47.9b
(2020: RM41.2b)

Other Business Services
RM30.9b
(2020: RM29.8b)

Telecommunications, Computer and Information
RM17.6b
(2020: RM16.7b)

Travel
RM14.9b
(2020: RM20.1b)

MAJOR TRADING PARTNERS



1



United States of America
X: RM26.6b | M: RM32.1b

2



Singapore
X: RM19.5b | M: RM23.1b

3



United Kingdom
X: RM6.3b | M: RM8.0b

Ranking countries based on exports performance

Notes: b billion, X Exports, M Imports

Source: International Trade in Services, Department of Statistics Malaysia (DOSM)


PENEMUAN PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA MALAYSIA

“Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia merekodkan RM234.2 bilion pada 2021, iaitu 15.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK pada harga semasa)”

Pada tahun 2021, jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia berjumlah RM234.2 bilion, menyumbang 15.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK pada harga semasa). Eksport perkhidmatan merekodkan RM86.7 bilion berbanding RM93.0 bilion pada tahun sebelumnya (**Paparan 1**). Penurunan dalam eksport terutamanya disumbangkan oleh trend negatif dalam Perjalanan yang mana telah terjejas teruk disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, import perkhidmatan meningkat 5.2 peratus kepada RM147.5 bilion berbanding RM140.1 bilion pada 2020. Oleh kerana eksport perkhidmatan jatuh pada kadar yang lebih cepat daripada import, defisit dalam perkhidmatan perdagangan antarabangsa melebar kepada RM60.7 bilion (2020: defisit RM47.2 bilion).


Paparan 1: Eksport, Import dan Imbangan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa, 2016-2021



KOMPONEN UTAMA PERKHIDMATAN

Komponen utama Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa bagi tahun 2021 ialah Perkhidmatan perniagaan lain, Perkhidmatan pembuatan, Pengangkutan dan Telekomunikasi, komputer & maklumat. Keempat-empat komponen ini menyumbang 82.8 peratus daripada jumlah eksport perkhidmatan pada 2021 (2020: 72.2%). Dari segi import, komponen-komponen utamanya ialah Pengangkutan, Perkhidmatan perniagaan lain, Telekomunikasi, komputer & maklumat dan Perjalanan. Secara kumulatifnya, sumbangan komponen ini kepada jumlah import perkhidmatan ialah 75.5 peratus (2020: 76.9%) seperti ditunjukkan dalam **Paparan 2**.

Paparan 2: Eksport, Import dan Peratus Sumbangan mengikut Komponen Utama, 2021



Nota: b bilion

Perkhidmatan Perniagaan Lain


“Subkomponen Teknikal, berkaitan perdagangan & perniagaan lain menunjukkan sumbangan tertinggi 44.9 peratus pada eksport dan 53.9 peratus pada import”

Perkhidmatan perniagaan lain mencatatkan nilai eksport RM27.1 bilion pada 2021 berbanding RM27.3 bilion pada tahun sebelumnya. Namun begitu, import komponen ini berjumlah RM30.9 bilion, meningkat 4.0 peratus daripada RM29.8 bilion pada 2020. Hasilnya, Perkhidmatan perniagaan lain mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM3.9 bilion berbanding RM2.5 bilion pada 2020 (**Paparan 3a**).


Melihat kepada subkomponen, Perkhidmatan teknikal, berkaitan perdagangan & perniagaan lain mendominasi

kedua-dua eksport dan import Perkhidmatan perniagaan lain dengan masing-masing merekodkan RM12.1 bilion (44.9%) dan RM16.7 bilion (53.9%). Ini diikuti oleh subkomponen Perkhidmatan profesional & pengurusan dengan nilai eksport RM12.0 bilion dan import RM11.6 bilion (**Paparan 3b**). Subkomponen Penyelidikan dan pembangunan menunjukkan prestasi positif dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit 14.4 peratus dalam eksport pada RM2.9 bilion dan import meningkat 10.0 peratus tahun ke tahun kepada RM2.6 bilion.

Paparan 3a: Eksport, Import dan Imbangan bagi Perkhidmatan Perniagaan Lain, 2016-2021



Paparan 3b: Komponen Perkhidmatan Perniagaan Lain, 2021



Pengangkutan

Pada 2021, eksport Pengangkutan mencatatkan RM15.5 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sebanyak 12.1 peratus ini didorong oleh peningkatan oleh aktiviti muatan laut dan udara (**Paparan 4a**). Pengangkutan laut merupakan penyumbang terbesar dengan 59.9 peratus atau RM9.3 bilion. Penyumbang kedua tertinggi ialah Pengangkutan lain dengan sumbangan 21.4 peratus atau RM3.3 bilion terutamanya perkhidmatan pos dan kurier.


“Eksport pengangkutan berkembang 12.1% kepada RM15.5 bilion pada 2021”

Pengangkutan udara mencatatkan baki sumbangan sebanyak 18.7 peratus atau RM2.9 bilion. Eksport penumpang udara merosot sebanyak 89.9 peratus disebabkan oleh sekatan perjalanan global untuk membendung penularan COVID-19.


Import Pengangkutan meningkat 16.2 peratus kepada RM47.9 bilion daripada RM41.2 bilion pada tahun

sebelumnya. Pengangkutan laut mendominasi import pengangkutan dengan sumbangan sebanyak 65.2 peratus atau RM31.3 bilion (**Paparan 4b**). Pengangkutan udara dan pengangkutan lain masing-masing menyumbang 23.3 peratus dan 11.5 peratus daripada jumlah import. Bayaran yang lebih tinggi merentasi semua mod pengangkutan terutamanya untuk pengangkutan, menyebabkan pengangkutan mencatatkan defisit RM32.5 bilion (2020: RM27.4 bilion).

Paparan 4a: Eksport, Import dan Imbangan bagi Pengangkutan, 2016-2021



Paparan 4b: Eksport & Import mengikut Mod Pengangkutan, 2021




Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat

“Perkhidmatan Telekomunikasi, komputer dan maklumat mengalami transformasi digital yang lebih pantas dengan merekodkan import lebih tinggi pada RM17.6 bilion dan eksport RM13.8 bilion”


Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat mencatatkan defisit RM3.8 bilion pada 2021 (2020: defisit RM3.4 bilion), seperti ditunjukkan dalam **Paparan 5a**. Eksport komponen ini meningkat 3.5 peratus kepada RM13.8 bilion berbanding RM13.4 bilion pada 2020. Perkhidmatan komputer mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 65.6 peratus atau RM9.1 bilion, diikuti oleh telekomunikasi (27.1%) dan maklumat (7.3 %).

Pada masa yang sama, import komponen ini juga meningkat sebanyak 5.1 peratus kepada RM17.6 bilion daripada RM16.7 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan dalam subkomponen telekomunikasi dan komputer, secara kolektifnya mewakili 91.6 peratus daripada jumlah import masing-masing RM6.3 bilion dan RM9.8 bilion (**Paparan 5b**).

Paparan 5a: Eksport, Import dan Imbangan bagi Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat, 2016-2021



Paparan 5b: Eksport & Import bagi Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat mengikut Subkomponen, 2021



Perkhidmatan Pembuatan

“Perkhidmatan pembuatan mencatatkan rekod tertinggi bagi tempoh sepuluh tahun dengan lebih **RM14.1 bilion** pada 2021”

Pada 2021, Perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal yang dimiliki oleh pihak lain mencatatkan lebih RM14.1 bilion (2020: RM11.9 bilion), tertinggi dalam dekad yang lalu. Eksport komponen ini meningkat 21.3 peratus kepada RM15.5 bilion berbanding RM12.7 bilion pada 2020 (**Paparan 6**). Pada masa yang sama, import Perkhidmatan pembuatan juga meningkat kepada RM1.3 bilion berbanding tahun sebelumnya (RM0.8 bilion).

Paparan 6: Eksport, Import dan Imbangan bagi Pembuatan, 2016-2021

Tahun	Eksport	Import	Imbangan
2021	RM15.5b	RM 1.3b	RM14.1b
2020	RM12.7b	RM0.8b	RM11.9b
2019	RM11.9b	RM0.6b	RM11.3b
2018	RM11.7b	RM0.5b	RM11.1b
2017	RM10.7b	RM0.3b	RM10.4b
2016	RM9.4b	RM0.3b	RM9.2b

Nota: b bilion

Perjalanan


Perjalanan adalah industri yang paling teruk terjejas daripada semua sektor Perkhidmatan yang lain disebabkan oleh penutupan sempadan antarabangsa dan aktiviti perjalanan dihadkan berikutan situasi COVID-19 yang berpanjangan. Ini menyebabkan berlaku penurunan dalam eksport Perjalanan, yang menjunam 97.4 peratus untuk merekodkan RM0.3 bilion pada 2021 berbanding RM12.5 bilion pada tahun sebelumnya.

“Perjalanan mencatatkan defisit yang lebih tinggi **RM14.6 bilion** pada tahun 2021 berikutan pandemik COVID-19”


Import Perjalanan juga melihat trend yang sama seperti eksport, merosot sebanyak 25.8 peratus kepada RM14.9 bilion daripada RM20.1 bilion pada tahun sebelumnya (**Paparan 7a**).

Oleh itu, Perjalanan mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM14.6 bilion (2020: RM7.6 bilion) disebabkan residen Malaysia yang ke luar negara untuk urusan perniagaan, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan penting lain berbelanja lebih banyak daripada pelawat asing di Malaysia.

Paparan 7a: Eksport, Import dan Imbangan bagi Perjalanan, 2016-2021



Paparan 7b: Eksport & Import bagi Perjalanan mengikut Subkomponen, 2021




Perkhidmatan Lain

“Pada 2021, eksport komponen perkhidmatan lain meningkat kepada RM14.6 bilion, terutamanya Pembinaan dan Perkhidmatan persendirian, kebudayaan & rekreasi.”

Pada 2021, komponen-komponen perkhidmatan lain mencatatkan defisit RM20.2 bilion berbanding RM18.2 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport komponen ini meningkat kepada RM14.6 bilion (2020: RM13.3 bilion), manakala import meningkat kepada RM34.8 bilion (2020: RM31.5 bilion). Penyumbang utama kepada eksport perkhidmatan lain yang lebih tinggi ialah perkhidmatan Pembinaan, Persendirian, kebudayaan & rekreasi, Insurans & Pencen dan Caj untuk penggunaan harta intelek. Bagi Import, semua komponen yang dikategorikan di bawah perkhidmatan lain menunjukkan pertumbuhan positif pada tahun 2021 (**Paparan 8**).

Paparan 8: Eksport, Import and Peratus Sumbangan bagi Perkhidmatan Lain, 2021




Nota: b bilion

RAKAN DAGANG UTAMA

Asia kekal sebagai pasaran paling penting bagi eksport perkhidmatan Malaysia pada tahun 2021, menyumbang 48.0 peratus daripada jumlah perkhidmatan bernilai RM41.6 bilion. Perkhidmatan perniagaan lain, Pengangkutan dan Telekomunikasi, komputer dan maklumat adalah perkhidmatan utama yang dieksport dari Malaysia ke Asia. Amerika dan Eropah merupakan pasaran kedua dan ketiga terbesar, masing-masing menyumbang 31.3 peratus dan 18.6 peratus (**Paparan 9**). Singapura kekal sebagai negara pengimport utama perkhidmatan Malaysia di Asia. Sementara itu, Amerika Syarikat (USA) adalah pengimport perkhidmatan utama di rantau Amerika.

“Asia dan Amerika kekal menjadi rantau dagang utama untuk eksport Perkhidmatan pada 2021”

Paparan 9: Nilai Eksport dan Peratus Sumbangan mengikut Rantau, 2021




Eksport mengikut Negara Dagang Utama

Pada 2021, USA merupakan destinasi utama bagi eksport perkhidmatan Malaysia dengan nilai RM26.6 bilion, 7.0 peratus peningkatan daripada RM24.9 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport utama ke USA adalah Perkhidmatan pembuatan dan Perkhidmatan perniagaan lain. Singapura, destinasi eksport kedua terbesar, juga mencatatkan peningkatan 2.3 peratus kepada RM19.5 bilion daripada RM19.1 bilion pada 2020. Perkhidmatan utama yang dieksport ke negara jiran ini ialah Perkhidmatan perniagaan lain, Pengangkutan dan Telekomunikasi, komputer dan maklumat. United Kingdom kekal sebagai negara pengimport ketiga terbesar dengan RM6.3 bilion pada 2021 (2020: RM5.9 bilion). Hong Kong mengatasi China untuk berada pada destinasi keempat paling penting dengan nilai eksport RM5.5 bilion (**Paparan 10**).

“Nilai eksport bagi tiga negara utama USA, Singapura dan United Kingdom meningkat pada 2021”

Paparan 10: Eksport mengikut Negara Rakan Dagang Utama, 2021




Import mengikut Negara Dagang Utama

“Asia, rakan dagang utama menyumbang 56.4 peratus kepada import Perkhidmatan Malaysia pada tahun 2021”


Rantau utama untuk import Perkhidmatan Malaysia ialah Asia dengan sumbangan 56.4 peratus atau RM83.2 bilion, diikuti oleh Amerika (23.4%) dan Eropah (16.7%) seperti di **Paparan 11**. Bagi rantau Asia, Singapura, China dan Jepun adalah rakan dagang terbesar, manakala di rantau Amerika didominasi oleh USA. Perkhidmatan utama yang diimport dari ketiga-tiga rantau ini ialah Pengangkutan dan Perkhidmatan perniagaan lain, masing-masing berjumlah RM45.9 bilion dan RM30.0 bilion.

Paparan 11: Nilai Import dan Peratus Sumbangan mengikut Rantau, 2021



Nota: (%) Sumbangan, b bilion

Paparan 12: Import mengikut Negara Rakan Dagang Utama, 2021



Nota: (%) Sumbangan, b bilion

“USA, Singapura dan China merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia dalam import Perkhidmatan pada 2021”

Dari segi kedudukan, USA menjadi negara import utama perkhidmatan dengan mencatatkan RM32.1 bilion pada 2021, meningkat 1.8 peratus berbanding RM31.5 bilion pada tahun sebelumnya. Perkhidmatan yang diimport dari negara ini adalah terutamanya Perjalanan dan Perkhidmatan perniagaan lain (**Paparan 12**). Sementara itu, Singapura menduduki tempat kedua selepas USA dengan import bernilai RM23.1 bilion (2020: RM23.4 bilion), terutamanya bagi Perkhidmatan perniagaan lain dan Telekomunikasi, komputer dan maklumat. China merupakan negara ketiga untuk import dengan nilai RM15.1 bilion, terutamanya untuk Pengangkutan. Ini diikuti oleh United Kingdom dan Jepun masing-masing merekodkan RM8.0 bilion dan RM7.6 bilion.


HIGHLIGHTS OF MALAYSIA'S INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES

“Malaysia’s total trade in services recorded RM234.2 billion in 2021, made up 15.2 per cent of Gross Domestic Product (GDP at current prices)”

In 2021, Malaysia’s total trade in services amounted to RM234.2 billion, constituting 15.2 per cent of Gross Domestic Product (GDP at current prices). Exports of services recorded RM86.7 billion compared to RM93.0 billion in the previous year (**Exhibit 1**). The decline in exports was owing to the negative trend in Travel, which was severely affected by the pandemic

COVID-19. However, imports of services increased by 5.2 per cent to RM147.5 billion as against RM140.1 billion in 2020. With exports of services falling faster than imports, the deficit in international trade in services widened to RM60.7 billion (2020: deficit of RM47.2 billion).


Exhibit 1: Exports, Imports and Balance of International Trade in Services, 2016-2021



MAJOR SERVICES COMPONENTS

The major components of international trade in services for 2021 were Other business services, Manufacturing services, Transport and Telecommunications, computer & information. These four components contributed 82.8 per cent of total services exports in 2021 (2020: 72.2%). In terms of imports, the main components were Transport, Other business services, Telecommunications, computer & information and Travel. Cumulatively, the shares of these components to total services imports accounted for 75.5 per cent (2020: 76.9%) as shown in **Exhibit 2**.

Exhibit 2: Exports, Imports and Percentage Share by Major Components, 2021



Notes: b billion

Other Business Services

“Technical, trade-related & other business subcomponent representing the highest shares in exports at 44.9 per cent and imports was 53.9 per cent”

Other business services recorded an export value of RM27.1 billion in 2021 compared to RM27.3 billion in the preceding year. Nevertheless, imports of this component amounted to RM30.9 billion, a 4.0 per cent increase from RM29.8 billion in 2020. As a result, Other business services posted a higher deficit of RM3.9 billion compared to RM2.5 billion in 2020 (**Exhibit 3a**).

Looking at the subcomponents, Technical, trade-related & other business dominates both exports and

imports of Other business services with RM12.1 billion (44.9%) and RM16.7 billion (53.9%) respectively. This was followed by Professional & management services subcomponent with a value of exports at RM12.0 billion and imports at RM11.6 billion (**Exhibit 3b**). Research and development subcomponent showed a positive performance by recording a double-digit growth of 14.4 per cent in exports at RM2.9 billion and imports grew by 10.0 per cent year-on-year to RM2.6 billion.

Exhibit 3a: Exports, Imports and Balance of Other Business Services, 2016-2021





Exhibit 3b: Exports & Imports of Other Business Services by Subcomponents, 2021



Notes: b billion



Exports Imports

Transport

In 2021, exports of Transport logged RM15.5 billion as against RM13.8 billion in the preceding year. The 12.1 per cent growth was driven by the increase in sea and air freight activities (**Exhibit 4a**). Sea transport was the largest contributor at 59.9 per cent or RM9.3 billion. The second highest contributor was Other transport with a share of 21.4 per cent or RM3.3 billion especially postal and courier services. Air transport recorded the remaining share of 18.7 per cent or RM2.9 billion. Air passenger exports nosedived 89.9 per cent due to global travel limitations to curb the spread of COVID-19.



“Exports of transport expanded by 12.1% to RM15.5 billion in 2021”

Imports of Transport accelerated by 16.2 per cent to RM47.9 billion from RM41.2 billion in the previous year. Sea transport dominated the imports of transport with a contribution of 65.2 per cent or RM31.3 billion (**Exhibit 4b**). Air and Other transports constituted 23.3 per cent and 11.5 per cent of total imports respectively. Higher payments made across all modes of transport, primarily for freight, led to transport recording a deficit of RM32.5 billion (2020: RM27.4 billion).

Exhibit 4a: Exports, Imports and Balance of Transport, 2016-2021**Exhibit 4b: Exports & Imports by Modes of Transport, 2021****Telecommunications, Computer and Information**

*“Telecommunications, computer and information services undergo accelerated digital transformation by recording **higher imports at RM17.6 billion** and **exports RM13.8 billion**”*

Telecommunications, computer and information services recorded a deficit of RM3.8 billion in 2021 (2020: deficit of RM3.4 billion), as shown in **Exhibit 5a**. Exports of this component edged up 3.5 per cent to RM13.8 billion as against RM13.4 billion in 2020. Computer services accounted for the highest share of 65.6 per cent or RM9.1 billion, followed by telecommunication (27.1%) and information (7.3%). At the same time, imports of this component also rose by 5.1 per cent to RM17.6 billion from RM16.7 billion in the previous year. The increase was largely impelled by the growth in the telecommunications and computer subcomponents, collectively representing 91.6 per cent of total imports at RM6.3 billion and RM9.8 billion respectively (**Exhibit 5b**).

Exhibit 5a: Exports, Imports and Balance of Telecommunications, Computer and Information, 2016-2021**Exhibit 5b: Exports & Imports of Telecommunications, Computer and Information by Subcomponents, 2021**

Manufacturing Services

“Manufacturing services posted a record high in the last ten years with a surplus of **RM14.1 billion in 2021”**

In 2021, Manufacturing services on physical inputs owned by others recorded a surplus of RM14.1 billion (2020: RM11.9 billion), the highest in the past decade. Exports of this component grew by 21.3 per cent to RM15.5 billion compared to RM12.7 billion in 2020 (Exhibit 6). Concurrently, imports of manufacturing services also increased to RM1.3 billion as against the previous year (RM0.8 billion).

Exhibit 6: Exports, Imports and Balance of Manufacturing, 2016-2021

Year	Exports	Imports	Balance
2021	RM15.5b	RM 1.3b	RM14.1b
2020	RM12.7b	RM0.8b	RM11.9b
2019	RM11.9b	RM0.6b	RM11.3b
2018	RM11.7b	RM0.5b	RM11.1b
2017	RM10.7b	RM0.3b	RM10.4b
2016	RM9.4b	RM0.3b	RM9.2b

Note: b billion

Travel

Travel was the hardest-hit industry of all other services components as international borders were closed and travel activities were restricted following the prolonged COVID-19. This led to a downfall in exports of Travel, which plunged 97.4 per cent to record RM0.3 billion in 2021 as against RM12.5 billion the previous year. Imports of Travel also fronted a similar trend to exports, plummeting by 25.8 per cent to RM14.9 billion from RM20.1 billion in the previous year (Exhibit 7a).

“Travel logged a higher deficit at **RM14.6 billion in 2021 amid COVID-19 pandemic”**

Thus, Travel logged a higher deficit of RM14.6 billion (2020: RM7.6 billion) as Malaysian residents who travelling abroad for business, education, health and other essential services spent more than foreign travellers in Malaysia.

Exhibit 7a: Exports, Imports and Balance of Travel, 2016-2021





Exhibit 7b: Exports & Imports of Travel by Subcomponents, 2021




Other Services

“In 2021, other services components export increased to RM14.6 billion, especially Construction and Personal, cultural & recreational services.”

In 2021, other services components recorded a deficit of RM20.2 billion as against RM18.2 billion in the previous year. Exports of these components increased to RM14.6 billion (2020: RM13.3 billion), while imports rose to RM34.8 billion (2020: RM31.5 billion). The main contributors to the higher exports of other services were Construction, Personal, cultural & recreational services, Insurance & pension and Charges for the use of intellectual property. As for Imports, all the components categorised under other services showed positive growth in 2021 (**Exhibit 8**).

Exhibit 8: Exports, Imports and Percentage Share of Other Services, 2021




MAJOR TRADING PARTNER

Asia remained the most important market for Malaysia's services exports in 2021, accounting for 48.0 per cent of total services valued at RM41.6 billion. Other business services, Transport and Telecommunications, computer and information were the main services Malaysia exported to Asia. The Americas and Europe were the second and third largest markets, contributing 31.3 per cent and 18.6 per cent respectively (**Exhibit 9**). Singapore remains the top importing country of Malaysia's services in Asia. Meanwhile, the United States of America (USA) was the top services importer in the Americas region.

“Asia and Americas remained the main regional trading partners for Services exports in 2021”

Exhibit 9: Exports Value and Percentage Share by Region, 2021




Exports by Major Trading Partner Country

In 2021, the USA was the top destination for Malaysia's services exports with a value of RM26.6 billion, a 7.0 per cent increase from RM24.9 billion in the previous year. Exports to the USA were mainly Manufacturing services and Other business services. Singapore, the second largest export destination, also recorded a 2.3 per cent increase to RM19.5 billion from RM19.1 billion in 2020. The major services exported to this neighbouring country were Other business services, Transport and Telecommunications, computer and information. The United Kingdom remains the third largest importing country with RM6.3 billion in 2021 (2020: RM5.9 billion). Hong Kong overtook China to become the fourth most important destination with an export value of RM5.5 billion (Exhibit 10).

“The value of exports to the top three countries, the USA, Singapore and the United Kingdom increased in 2021.”

Exhibit 10: Exports by Major Trading Partner Country, 2021




Note: (%) Share, b billion

Imports by Major Trading Partner Country

“Asia, the leading trading partner contributed 56.4 per cent to Malaysia's Services imports in 2021”

The major regions for Malaysia's Services imports were Asia with a share of 56.4 per cent or RM83.2 billion, trailed by the Americas (23.4%) and Europe (16.7%) as depicted in Exhibit 11. In the Asia region, Singapore, China and Japan were the largest trading partners, while in the Americas, the USA dominated. The main services imported from these three regions were Transport and Other business services, which amounted to RM45.9 billion and RM30.0 billion respectively.

Exhibit 11: Imports Value and Percentage Share by Region, 2021




Notes: (%) Share, b billion

“The top economies for Malaysia’s Services imports in 2021 were the USA, Singapore and China”

In terms of ranking, the USA became the top country for services imports by recording RM32.1 billion in 2021, increased by 1.8 per cent compared to RM31.5 billion in the preceding year. Services imported from this country were mainly Travel and Other business services (**Exhibit 12**). Meanwhile, Singapore ranked second behind the USA with imports valued at RM23.1 billion (2020: RM23.4 billion), primarily for Other business services and Telecommunications, computer and information. China was the third country of imports with a value of RM15.1 billion, primarily for Transport. This was followed by the United Kingdom and Japan which recorded RM8.0 billion and RM7.6 billion respectively.

Exhibit 12: Imports by Major Trading Partner Country, 2021



Notes: (%) Share, b billion

ARTIKEL 
ARTICLE

SITS

2021

Trend Perdagangan Perkhidmatan Malaysia: Sebelum dan Selepas COVID-19

Kumutha Shanmugam; Pameza Abdul Harip; Zuradi Jusoh; Mohd Saiful Husain
Bahagian Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Dalam era teknologi, ekonomi global menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan dan keuntungan korporat melalui urus niaga rentas sempadan. Hartanah, barangan dan perkhidmatan boleh dipindahkan dengan mudah antara perniagaan dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Sejak pandemik COVID-19, urus niaga rentas sempadan, yang biasanya dirujuk sebagai aktiviti perdagangan di seluruh dunia, telah terganggu secara besar-besaran disebabkan oleh situasi yang tidak menentu. Ketika orang ramai mula mengharapakan pemulihan ekonomi global pada tahun-tahun mendatang, dunia menyaksikan satu lagi bencana pada awal tahun 2022 dalam bentuk krisis kemanusiaan yang disebabkan oleh konflik antara Rusia dan Ukraine. Selain dari kesan isu kemanusiaan, konflik juga akan memperlambatkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya meningkatkan inflasi. Menurut *World Economic Outlook (WEO)* oleh *International Monetary Fund (IMF)* kelembapan yang ketara dalam keseluruhan aktiviti akan mengurangkan pertumbuhan perdagangan global pada 2022 disebabkan konflik dan kesan berlarutan dari wabak itu. Secara keseluruhan, pertumbuhan perdagangan dunia dijangka perlahan dengan anggaran 10.1 peratus pada 2021 kepada 5 peratus pada 2022 dan 4.4 peratus pada 2023.

Kesan COVID-19 telah mengubah secara drastik trend perkhidmatan perdagangan antarabangsa, apabila Perjalanan telah terjejas teruk. Namun begitu, perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah berkembang dengan begitu pesat. Menurut Huang, Qiu dan Wang (2021), kajian mereka mengenai Teknologi Digital dan Kesan Ekonomi COVID-19 bagi kes Republik Rakyat China (PRC) menjelaskan bahawa ekonomi digital memainkan peranan yang signifikan semasa PRC dilanda pandemik sekali dalam seabad, COVID-19, pada 2020. Walau bagaimanapun, di sesetengah kawasan, teknologi digital membantu mengalihkan aktiviti ekonomi luar talian ke platform dalam talian. Oleh itu, penghantaran makanan meningkat, e-dagang melonjak, dan mesyuarat dan pengajaran dalam talian meningkat. Ianya berkemungkinan akan berkembang pada tahun-tahun mendatang, disokong dengan teknologi 5G, *Internet of Thing (IoT)* dan infrastruktur digital baharu. Sesetengah perdagangan perkhidmatan seperti perjalanan kapal terbang, penyewaan hotel dan pelancongan telah terjejas teruk oleh kedua-dua aspek penawaran dan permintaan COVID-19. Perkhidmatan lain seperti perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan perubatan adalah kurang terganggu. Secara keseluruhannya, kejutan tersebut akan menggalakkan interaksi interpersonal tele-perantaraan jarak jauh (Baldwin dan Tomiura, 2020).

Artikel ini membincangkan trend perdagangan perkhidmatan mengikut komponen perkhidmatan utama dan serantau bagi tempoh 2016 hingga 2021. Artikel ini juga menjelaskan eksport dan import perkhidmatan Malaysia dengan negara jiran maritimnya, Singapura.

PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA MALAYSIA


Malaysia telah menjadi salah satu negara perdagangan utama dunia. Negara ini telah menjadi ahli kepada Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Tarif (GATT) sejak 1957 dan merupakan ahli pengasas Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Malaysia telah menunjukkan komitmen yang tinggi ke arah membina hubungan perdagangan serantau dan dua hala melalui hubungan antara kumpulan dan negara serantau. Pada November 2020, Malaysia bersama-sama negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang lain (Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam) menandatangani

Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dengan lima rakan dagang iaitu Australia, China, Jepun, New Zealand dan Korea Selatan (Lim dan Manshan, 2021).

Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia adalah RM234.2 bilion pada 2021 dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) dari 2016 hingga 2021 sebanyak negatif 5.7 peratus. Jumlah perdagangan barangan dilihat berkembang lebih cepat daripada jumlah perdagangan perkhidmatan pada 7.0 peratus dalam tempoh lima tahun. Jumlah perdagangan perkhidmatan berada pada trend menaik dari 2016 hingga 2019, seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1**. Walau bagaimanapun, pada 2020, jumlah perkhidmatan menurun dengan ketara disebabkan oleh komponen Perjalanan yang terjejas teruk dengan merekodkan pertumbuhan negatif sebanyak 84.8 peratus pada 2020 semasa pandemik COVID-19.

Eksport perkhidmatan bernilai RM86.7 bilion pada 2021 (2016: RM147.6 bilion), pertumbuhan sebanyak negatif 10.1 peratus, antara 2016 dan 2021 manakala import mencatatkan RM147.5 bilion (2016: RM166.5 bilion), penurunan yang lebih kecil sebanyak 2.4 peratus setahun. Kesannya, defisit perdagangan perkhidmatan meningkat sejak beberapa tahun, daripada RM18.9 bilion pada 2016 kepada RM60.7 bilion pada 2021.

Carta 1: Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia, 2016-2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERDAGANGAN PERKHIDMATAN MENGIKUT KOMPONEN

Eksport Perkhidmatan

Antara dua belas komponen pekhidmatan, Perkhidmatan perniagaan lain merupakan penyumbang terbesar kepada eksport perkhidmatan Malaysia pada tahun 2021, sebanyak 31.2 peratus, berkembang pada 2.6 peratus CAGR dari 2016 hingga 2021 (**Jadual 1**). Pertumbuhan komponen ini didorong terutamanya oleh Penyelidikan dan pembangunan serta Perkhidmatan perundingan profesional dan pengurusan. Kedua-dua Perkhidmatan pembuatan dan Pengangkutan masing-masing sama menyumbang 17.8 peratus kepada jumlah eksport pada 2021. Bagaimanapun, dalam tempoh yang sama, perkhidmatan Pembuatan berkembang pada 10.4 peratus, manakala Pengangkutan menjunam sebanyak 2.2 peratus. Sumbangan eksport Telekomunikasi, komputer dan perkhidmatan maklumat pada 2021 melonjak kepada 15.9 peratus daripada 7.2 peratus pada 2016, meningkat secara berterusan sebanyak 5.3 peratus dalam tempoh lima tahun. Ini memberi gambaran kesan positif pandemik yang memberi peluang yang sangat baik kepada komponen ini sejak peningkatan pekerjaan jarak jauh, penstriman video, pengkomputeran awan dan perkhidmatan lain yang dilakukan secara digital. Berdasarkan Laporan Survei Penggunaan dan Akses ICT oleh Individu dan Isi Rumah

(ICTHS) yang dijalankan pada 2021, peratusan akses isi rumah di Malaysia telah meningkat dalam semua kategori perkhidmatan dan peralatan ICT, termasuk komputer, Internet, telefon bimbit, telefon talian tetap, radio, saluran TV berbayar dan televisyen. Sebaliknya, Perjalanan, yang menjadi tulang belakang sektor perkhidmatan selama ini di mana telah menyumbang lebih dari separuh dalam eksport perkhidmatan pada 2016, namun hanya menyumbang 0.4 peratus pada 2021. Ini juga dicerminkan dalam pertumbuhan tahunannya sebanyak -66.4 peratus dari 2016 hingga 2021.

Jadual 1: Eksport Perkhidmatan Malaysia mengikut Komponen, 2016-2021

Komponen	CAGR 2016-2021 (%)	Sumbangan kepada Jumlah Eksport Perdagangan (%)	
		2016	2021
Perkhidmatan perniagaan lain	2.6	16.2	31.2
Perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain	10.4	6.4	17.8
Pengangkutan	-2.2	11.7	17.8
Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat	5.3	7.2	15.9
Pembinaan	-1.4	2.8	4.4
Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi t.t.t.l.	13.9	1.0	3.4
Perkhidmatan kewangan	4.3	1.4	2.9
Perkhidmatan insurans dan pencen	8.6	0.9	2.3
Perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan	3.4	1.0	2.0
Caj penggunaan harta intelek t.t.t.l.	20.5	0.3	1.4
Perjalanan	-66.4	50.8	0.4
Barangan dan perkhidmatan kerajaan t.t.t.l.	-2.7	0.2	0.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import Perkhidmatan

Dari segi import perkhidmatan, Pengangkutan dan Perkhidmatan perniagaan lain terus menjadi penyumbang utama sejak 2016, masing-masing menyumbang sebanyak 32.5 peratus dan 21.0 peratus pada 2021. Import Pengangkutan meningkat pada 3.3 peratus CAGR pada tempoh yang sama, seiring dengan pertumbuhan import barangan (**Jadual 2**). Sementara itu, pertumbuhan import Perkhidmatan perniagaan lain merosot sebanyak 1.6 peratus sepanjang tempoh lima tahun tersebut, mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam seni bina, kejuruteraan dan perkhidmatan berkaitan perdagangan lain. Import perkhidmatan Telekomunikasi, komputer dan maklumat meningkat sebanyak 11.9 peratus pada 2021, selaras dengan penggunaan teknologi digital, yang telah menjadi aspek penting dalam kehidupan seharian terutamanya dengan peningkatan yang ketara ketika pandemik COVID-19. Selain itu, bayaran untuk perkhidmatan Pembuatan dan Caj untuk penggunaan harta intelek dalam bentuk royalti dan lesen mencatatkan trend menaik dengan pertumbuhan tahunan dua digit antara 2016 dan 2021, masing-masing sebanyak 39.8 peratus dan 13.9 peratus. Sebaliknya, Perjalanan menyumbang 10.1 peratus daripada jumlah pembayaran pada 2021, menjunam sebanyak 19.3 peratus setahun dari 2016 hingga 2021, sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh sekatan perjalanan di seluruh dunia bagi membendung penularan COVID-19. Pembinaan juga memberi sumbangan yang lebih rendah sebanyak 3.0 peratus berbanding 7.3 peratus pada tahun 2016. Gangguan ini disebabkan terutamanya kesan daripada langkah penutupan dan penyekatan global, yang membawa kepada gangguan dalam rantai bekalan dan penggantung projek-projek sedia ada mahupun projek yang akan datang.

Jadual 2: Import Perkhidmatan Malaysia mengikut Komponen, 2016-2021


Komponen	CAGR 2016-2021 (%)	Sumbangan kepada Jumlah Import Perdagangan (%)	
		2016	2021
Pengangkutan	3.3	24.4	32.5
Perkhidmatan perniagaan lain	-1.6	20.1	21.0
Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat	5.5	8.1	11.9
Perjalanan	-19.3	26.1	10.1
Caj penggunaan harta intelek t.t.t.l.	13.9	3.4	7.3
Perkhidmatan insurans dan pencen	2.3	5.6	7.1
Pembinaan	-18.6	7.3	3.0
Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi t.t.t.l.	1.5	1.9	2.3
Perkhidmatan kewangan	3.7	1.3	1.8
Perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan	3.5	1.0	1.4
Perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain	39.8	0.2	0.9
Barangan dan perkhidmatan kerajaan t.t.t.l.	3.5	0.6	0.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERDAGANGAN PERKHIDMATAN MENGIKUT RANTAU

Eksport Perkhidmatan

Asia kekal sebagai pasaran eksport perkhidmatan terbesar untuk Malaysia pada RM41.6 bilion atau 48.0 peratus pada 2021, walaupun merosot mendadak daripada RM119.0 bilion pada 2019 kepada RM47.5 bilion pada 2020 (**Carta 2**). Ini diikuti oleh Amerika dan Eropah, masing-masing mencatatkan RM27.2 bilion dan RM16.1 bilion. Sumbangan Amerika dalam eksport Malaysia telah meningkat kepada RM25.8 bilion atau 31.3 peratus pada 2021. Rantau-rantau ini kekal sebagai tiga pasaran teratas Malaysia sepanjang tahun 2016 hingga 2021, kesemuanya menyumbang 97.9 peratus daripada eksport perkhidmatan negara pada 2021.


Carta 2: Eksport Perkhidmatan Malaysia mengikut Rantau, 2016-2021


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import Perkhidmatan

Bagi import perkhidmatan, Asia merupakan sumber serantau utama Malaysia dari 2016 hingga 2021 (**Carta 3**). Asia menyumbang 56.4 peratus daripada keseluruhan import perkhidmatan pada 2021, sebanyak RM83.2 bilion, lebih tinggi sedikit daripada RM78.0 yang dicatatkan pada 2020. Ini diikuti oleh Amerika dan Eropah, yang menyumbang RM34.5 bilion atau 23.4 peratus dan RM24.6 bilion atau 16.7 peratus daripada import perkhidmatan pada 2021. Ketiga-tiga pasaran ini terus menjadi sumber utama import perkhidmatan Malaysia sejak lima tahun yang lalu.

Carta 3: Import Perkhidmatan Malaysia mengikut Rantau, 2016-2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERDAGANGAN PERKHIDMATAN MALAYSIA DENGAN SINGAPURA

Hubungan Malaysia-Singapura telah wujud sejak penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 berikutan penggabungan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah). Penggabungan itu bertujuan untuk memberi manfaat kepada semua pihak dari segi ekonomi, sosial dan politik. Pada tahun 1965, Singapura memutuskan untuk meninggalkan Malaysia disebabkan oleh perbezaan ideologi politik. Kedua-dua negara ini terus mengekalkan hubungan dua hala yang baik untuk menggalakkan pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang saling menguntungkan.

